

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABD SAMAD
[SHAH ALAM]**

TARIKH : 22 SEPTEMBER 2021[RABU]

SOALAN

minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perincian mengenai semua permohonan pembaikan infrastruktur dan bumbung bagi perumahan kos rendah dan sederhana yang telah dilaksanakan dan menggunakan bajet Kementerian bagi kawasan Parlimen Shah Alam bagi sepanjang tahun 2020 sehingga 2021.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat dua (2) program utama di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang berkaitan dengan permohonan untuk membaiki infrastruktur dan bumbung bagi perumahan kos rendah dan sederhana iaitu Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM) dan Program Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (PPP). TPPM merupakan inisiatif Kerajaan Persekutuan bagi membantu penghuni-penghuni perumahan berstrata kos rendah dan kos sederhana rendah swasta bagi membaik pulih dan menyenggara harta bersama. PPP pula adalah inisiatif Kerajaan Persekutuan bagi membantu penghuni-penghuni perumahan berstrata kos rendah dan kos sederhana rendah awam.

2. Pada tahun 2020, Kerajaan telah meluluskan 14 projek penyelenggaraan di 14 kawasan pemajuan di Shah Alam dengan kos berjumlah RM4,672,297.40 di bawah program TPPM seperti berikut:

- (i) 8 kawasan untuk baik pulih bumbung;
- (ii) 3 kawasan untuk baik pulih tangki air;
- (iii) 1 kawasan untuk baik pulih lif;
- (iv) 1 kawasan untuk baik pulih tangki air dan bumbung; dan
- (v) 1 kawasan untuk baik pulih bumbung, susur tangan (*handrail*) dan pendawaian semula elektrik.

3. Pada tahun 2021, Kerajaan telah meluluskan sebanyak dua (2) projek penyelenggaraan baik pulih tangki air di dua (2) kawasan pemajuan Shah Alam dengan siling peruntukan pembangunan berjumlah RM403,280.00 di bawah program TPPM.

SOALAN NO : 48

4. Bagi program PPP pula, sebanyak RM1.77 juta telah diperuntukkan untuk tahun 2020, manakala peruntukan bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM450 ribu bagi pelaksanaan projek pembaikan dan penyelenggaraan infrastruktur di Shah Alam. Ringkasan kelulusan projek PPP di kawasan parlimen Shah Alam mengikut kawasan pemajuan adalah seperti berikut:

TAHUN	LOKASI	BIL. PROJEK	PERUNTUKAN
2020	PPR Kg. Baru Hicom	4 projek	RM1.77 juta
2021	PPR Kg. Baru Hicom	1 projek	RM450 ribu

5. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sebagai maklumat tambahan, pada tahun 2018, Kerajaan melalui KPKT telah memperuntukkan sebanyak RM9,574,409.34 bagi 12 projek TPPM di Shah Alam, manakala tiada peruntukan diluluskan pada tahun 2019 di bawah TPPM. Bagi program PPP pula, tiada peruntukan diluluskan pada tahun 2018 dan 2019 di Shah Alam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL
SINGH (BUKIT GELUGOR)**

TARIKH : 22 SEPTEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan
memansuhkan atau meminda Akta Hasutan, 1948.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui penguatkuasaan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa komited dalam mendukung hak kebebasan bersuara, selagi mana mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. PDRM akan mengambil tindakan tegas dengan melakukan tangkapan dan pendakwaan terhadap mana-mana individu yang melakukan kesalahan menghina, mempersenda atau memainkan isu-isu Institusi Diraja, agama atau perkauman berdasarkan peruntukan undang-undang sedia ada seperti Akta Hasutan 1948, Kanun Keseksaan dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Selain daripada itu, Kementerian Dalam Negeri juga sentiasa mengkaji perundangan tersebut untuk ditambah baik dari semasa ke semasa.